

03 SEP 1998

Anwar-Pelaburan

KESTABILAN POLITIK BUKAN KERANA SEORANG - RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak akan menjejaskan aliran pelaburan langsung asing ke negara ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

"Ini kerana para pelabur akan mempertimbangkan beberapa faktor seperti infrastruktur sokongan kepada kestabilan politik sebelum mereka melabur di negara tertentu," katanya.

Penyingkiran seseorang pemimpin kerajaan tidak menyumbang kepada ketidakstabilan kerana pemimpin kerajaan yang lainnya berfungsi sebagai satu, katanya kepada pemberita.

Rafidah berkata adalah menjadi perkara biasa sekiranya timbul tindak balas atau masalah terhadap isu seumpama itu, "tetapi selagi orang ramai menganggap bahawa kestabilan politik bukan ditugaskan kepada satu orang sahaja, semuanya akan berjalan baik."

"Seorang tidak boleh menjadi sebuah kerajaan. Tiada seseorang yang harus menjadi simbol kestabilan atau apa-apa pun. Semuanya harus secara berpasukan," tegas beliau.

Rafidah berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah tentu telah mempertimbangkan segala baik-buruknya sebelum mengambil keputusan itu.

Katanya, agenda utama Dr Mahathir ialah menggerakkan ekonomi dengan cepat dan semua orang harus berusaha ke arah itu.

Rafidah berkata perjuangan Umno bukanlah berasaskan individu tetapi untuk faedah negara dan orang ramai.

Kestabilan politik, kata Rafidah bukan berdasarkan kepada populariti seseorang itu tetapi bagaimana seluruh kerajaan berfungsi.

-- BERNAMA

SHO SHY RHM KHY